

Utama mas kahwin, bukan wang hantaran

Mendirikan rumah tangga adalah sesuatu yang halal, maka sewajarnya pelaksanaannya juga halal dan tidak memudaratkan mana-mana pihak. Islam adalah agama yang mudah dan menggalakkan segala sesuatu itu dijalankan dengan cara bersederhana. Begitu juga dalam menguruskan majlis perkahwinan, baik dari segi urusan pernikahan dan mas kahwin.

Perlu diingat bahawa perkara yang digalakkan dalam Islam

adalah mas kahwin dan bukannya hantaran yang menjadi dilema kebanyakan pasangan yang ingin mendirikan rumah tangga pada masa ini, sehingga ada yang mengambil tindakan menjual dadah bagi mencukupkan wang hantaran perkahwinannya seperti dilaporkan media baru-baru ini.

Suami wajib beri

Mas kahwin adalah pemberian yang wajib diberi suami kepada

isterinya dengan sebab perkahwinan. Firman Allah SWT yang bermaksud: "Berikanlah kepada orang perempuan itu mas kahwin mereka." (Surah An-Nisaa' ayat 4)

Islam juga tidak meletakkan sebarang jumlah atau harga kepada suami untuk diberikan kepada isterinya sebagai mas kahwin, malahan Nabi Muhammad SAW bersabda, yang bermaksud: "Carilah untuk dijadikan mas kahwin walaupun sebetuk cincin yang diperbuat daripada besi." (Hadis Riwayat Bukhari)

Jelaslah di sini, mas kahwin adalah keutamaan dalam Islam apabila ingin mendirikan rumah-tangga dan bukannya wang hantaran. Bagaimanapun, adat Me-

layu lebih mementingkan wang hantaran, dan adakalanya 'kualiti' bakal isteri itu dilihat daripada jumlah hantarannya.

Meringankan beban bakal suami

Kualiti seseorang itu tidak sewajarnya dilihat dari nilai wang hantarannya. Adalah lebih baik jika mendapat wang hantaran yang rendah, tetapi bebas hutang dan mendapat keberkatan, daripada hidup penuh hutang pada kemudian hari kerana sebaik-baik wanita adalah yang meringankan beban bakal suaminya.

Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya di antara kebaikan seorang wanita ialah mudah lamarannya, mudah mas kahwin-

nya dan mudah rahimnya (yakni mudah melahirkan anak)."

Masyarakat Islam hendaklah sentiasa ingat bahawa segala sesuatu perlu dilakukan secara sederhana seperti yang dianjurkan Islam dan kita juga haruslah bijak mendahulukan perkara yang lebih membawa manfaat daripada mudarat dan yang paling penting adalah mendapat keberkatan dalam rumah tangga yang bakal dibina.

Sabda Rasulullah SAW. yang bermaksud: "Sesungguhnya yang besar berkat nikah ialah yang sederhana belanjanya". (Hadis Riwayat Ahmad)

Siti Hajah Asmadi,
Universiti Sains Islam Malaysia